

**TERMA DAN SYARAT**  
**DISKAUN HARI LAHIR PTPTN x CHRISTY NG**

1. Sebagai tanda penghargaan atas kesetiaan pelanggan PTPTN, PTPTN dengan kerjasama Christy Ng ingin meraikan hari istimewa pelanggan PTPTN dengan menawarkan kod diskaun eksklusif yang akan diberikan melalui e-mel ucapan hari lahir. Pelanggan PTPTN boleh menggunakan kod ini untuk menikmati diskaun istimewa bagi pembelian minimum RM100 di laman web rasmi [www.christyng.com](http://www.christyng.com). Kod ini sah untuk sekali penggunaan sahaja dan tidak boleh digunakan untuk produk terpilih atau digabungkan dengan promosi lain.

**TEMPOH**

2. **Tempoh penbusaan:** 1 Mei 2025 – 31 Disember 2026.

**KELAYAKAN**

3. Tawaran ini sah hanya untuk pelanggan PTPTN yang merupakan **penerima e-mel ucapan Hari Lahir** (“Pelanggan PTPTN”) yang dihantar oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sahaja.

**PENEBUSAN KOD DISKAUN EKSKLUSIF**

4. Kod diskaun eksklusif yang menawarkan **diskaun 12%** dengan pembelian **minimum RM100** dalam satu transaksi akan dihantar kepada Pelanggan PTPTN pada tarikh hari lahir mereka melalui e-mel rasmi PTPTN.
5. Tawaran ini hanya boleh digunakan di **laman web rasmi [www.christyng.com](http://www.christyng.com)**.
6. Kod diskaun tidak boleh ditukar dengan wang tunai.
7. Kod diskaun ini **tidak sah** untuk produk berikut:
  - Kasut tempahan khas (*custom-made*)
  - Koleksi kasut perkahwinan
  - Aksesori
  - Perkhidmatan *personalization*
  - Perkhidmatan sulaman (*embroidery*)
  - Koleksi kolaborasi terkini
  - Promosi lain yang sedang berlangsung
8. Tidak boleh digabungkan dengan kod diskaun atau baucar lain.

9. Terhad kepada **satu penggunaan sahaja** bagi setiap Pelanggan PTPTN.
10. Untuk penebusan kod diskau, pelanggan PTPTN perlu memasukkan kod **PTPTNCN12** semasa daftar keluar (*checkout*) di [www.christyng.com](http://www.christyng.com).
11. Pihak PTPTN dan Christy Ng Sdn. Bhd. berhak untuk mengubah suai terma & syarat ini dengan notis awal **3 hari**.

### **PERLINDUNGAN & PRIVASI**

12. PTPTN tidak bertanggungjawab terhadap sebarang isu teknikal, akses laman web, atau masalah pembayaran yang berlaku di laman web pihak ketiga ([www.christyng.com](http://www.christyng.com)).
13. Sebarang pertanyaan berkaitan produk, penghantaran, pemulangan atau perkhidmatan pelanggan hendaklah diajukan terus kepada pihak **Christy Ng Sdn. Bhd.**
14. Maklumat peribadi pelanggan hanya digunakan bagi tujuan penghantaran kod diskau Hari Lahir dan **tidak akan dikongsi kepada pihak ketiga** tanpa persetujuan Pelanggan PTPTN, kecuali seperti yang dibenarkan oleh undang-undang.
15. Dengan menggunakan kod diskau ini, Pelanggan PTPTN dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan semua terma dan syarat yang dinyatakan di sini.

### **PERUNTUKAN UMUM**

16. Pelanggan PTPTN dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan dan memberangkan butiran peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi untuk digunakan bagi tujuan promosi.
17. Butiran peribadi Pelanggan PTPTN akan disimpan dan tidak disalah guna oleh PTPTN.
18. Pelanggan PTPTN adalah dinasihatkan untuk melayari media sosial PTPTN atau laman sesawang PTPTN dari masa ke semasa untuk menyemak terma dan syarat serta mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma dan syarat ini.

19. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan promosi ini dengan memberi notis awal melalui media sosial rasmi PTPTN, laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang dianggap sesuai sekurang-kurangnya lima (5) hari kalender. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan promosi ini, PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana Pelanggan PTPTN untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
20. Penyertaan Pelanggan PTPTN dalam promosi ini adalah atas risiko sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan.
21. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung promosi ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian.
22. Sekiranya terdapat percanggahan terma dan syarat promosi ini di dalam bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan promosi ini, maka terma dan syarat di laman sesawang PTPTN adalah yang muktamad. Sebarang perkara mengenai promosi ini yang tidak dinyatakan di dalam terma dan syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak PTPTN.
23. PTPTN boleh menggunakan penyertaan pengguna termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama Pelanggan PTPTN, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barang atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Pelanggan PTPTN hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.

**Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh PTPTN x Christy Ng**

**Maklumat dikemas kini pada 30 April 2025**